



**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

**PANDUAN  
PERNIAGAAN  
PERKHIDMATAN WANG**

## KANDUNGAN

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Umum .....	1
<b>OPERASI AM INDUSTRI.....</b>	<b>1</b>
<b>LAYANAN CBP KE ATAS PERNIAGAAN PENGURUPAN WANG.....</b>	<b>2</b>
<b>LAYANAN CBP KE ATAS PERNIAGAAN PENGIRIMAN WANG .....</b>	<b>3</b>
<b>LAYANAN CBP KE ATAS PERNIAGAAN MATA WANG BORONG.....</b>	<b>4</b>
<b>PERKHIDMATAN YANG DIPEROLEH OLEH PEMEGANG LESEN PPW .....</b>	<b>5</b>
<b>FI KAWALSELIA DI BAWAH AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011 .....</b>	<b>5</b>
<b>EJEN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG .....</b>	<b>5</b>
<b>KREDIT CUKAI INPUT .....</b>	<b>5</b>
<b>SOALAN LAZIM .....</b>	<b>6</b>
<b>MAKLUMBALAS DAN KOMEN .....</b>	<b>7</b>
<b>MAKLUMAT LANJUT .....</b>	<b>7</b>

## **PENGENALAN**

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan implikasinya ke atas industri perniagaan perkhidmatan wang yang terdiri daripada perniagaan pengurusan wang, perniagaan pengiriman wang dan perniagaan mata wang borong.

### **Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Umum**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat yang dikenakan ke atas kepenggunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di Malaysia selain dari yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai dibayar sepanjang rangkaian pengeluaran dan pendedaran, cukai tersebut pada akhirnya akan dipindahkan kepada pengguna akhir. Oleh itu, cukai tersebut bukanlah kos kepada pengantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai “orang yang berdaftar”. Orang yang berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai yang dibekalkan kepada pelanggannya. Beliau juga dibenarkan untuk menuntut CBP (cukai input) yang dikenakan ke atas pembelian yang merupakan input kepada perniagaannya. Mekanisme ini memastikan hanya nilai tambah pada setiap peringkat sahaja yang dikenakan cukai selain daripada mengelakkan cukai dua kali.

## **OPERASI AM INDUSTRI**

5. Industri perniagaan perkhidmatan wang (PPW) terdiri daripada perniagaan pengurusan wang, pengiriman wang dan mata wang borong di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (APPW) 2011. Secara amnya, pengurusan wang, pengiriman wang dan mata wang borong merupakan pembekalan dikecualikan. Pengurup wang berlesen, pembekal kiriman wang bukan bank dan pemborong mata wang di bawah APPW 2011 dirujuk sebagai pemegang lesen perkhidmatan pengiriman wang dan dengan itu akan dirujuk sebagai seperti di dalam panduan ini.

6. Sebagai pembekal yang dikecualikan, pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang tidak dikehendaki berdaftar untuk CBP. Walau bagaimanapun, fi dan caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang kepada pelanggannya ialah suatu pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Sekiranya, fi dan caj sedemikian melebihi nilai ambang yang ditetapkan, pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang wajib berdaftar untuk CBP dan mengenakan cukai ke atas perkhidmatan yang diberikan. Sebaliknya, jika perolehan tahunan daripada perkhidmatan yang diberikan tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan, pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang tidak perlu mendaftar untuk CBP dan tidak dikehendaki untuk mengenakan CBP ke atas pembekalan itu.

## **LAYANAN CBP KE ATAS PERNIAGAAN PENGURUPAN WANG**

7. Secara umumnya, pembekalan dikecualikan yang dibuat oleh pemegang lesen PPW:

- (a) perniagaan untuk membuat suatu urus niaga tukaran mata wang pada suatu kadar tukaran;
- (b) perniagaan membeli atau menjual cek kembara, bagi pihak seseorang pengeluar cek kembara, pada suatu kadar tukaran;

8. Apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh pemegang lesen PPW yang berhubungan dengan perniagaan pengurusan wang untuk sesuatu fi ialah suatu pembekalan berkadar sifar.

## **LAYANAN CBP KE ATAS PERNIAGAAN PENGIRIMAN WANG**

9. Pemindahan dana boleh dibuat di dalam atau di luar Malaysia oleh pemegang lesen PPW di bawah APPW 2011 bagi pihak pelanggan di dalam atau di luar Malaysia, kepada seseorang benefisiari di dalam atau di luar Malaysia. Memandangkan kemungkinan urus niaga di antara mereka, layanan CBP adalah seperti berikut:

- (a) Pemegang lesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (pembekal perkhidmatan pengiriman wang) yang berada di Malaysia membuat suatu pembekalan wang bagi pihak pemula di Malaysia kepada benefisiari di luar Malaysia adalah bukan suatu pembekalan oleh pemegang lesen.
- (b) Pemegang lesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (pembekal perkhidmatan pengiriman wang) yang berada di Malaysia membuat suatu pembekalan wang kepada benefisiari (pengiriman wang masuk) di Malaysia adalah bukan suatu pembekalan oleh pemegang lesen.
- (c) Pemegang lesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (pembekal perkhidmatan pengiriman wang) yang berada di Malaysia mendepositkan wang yang diterima daripada pemula di Malaysia ke dalam sebuah bank berlesen adalah suatu pembekalan dikecualikan kerana terdapat faedah yang terakru sebagai balasan.
- (d) Urusniaga pengiriman wang keluar daripada pemegang lesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (pembekal perkhidmatan pengiriman wang) yang berada di Malaysia bagi pihak pemula di Malaysia kepada benefisiari melalui ejen koresponden di luar Malaysia

adalah suatu pembekalan berkadar standard dan fi pemindahan adalah tertakluk kepada CBP.

- (e) Urusniaga pengiriman wang masuk oleh pemegang lesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (pembekal perkhidmatan pengiriman wang) yang berada di Malaysia daripada pemula melalui ejen koresponden di luar Malaysia kepada benefisiari di Malaysia adalah suatu pembekalan berkadar sifar dan komisen atau caj adalah tidak tertakluk kepada CBP.
- (f) Perkhidmatan hab global bagi pengiriman wang antarabangsa yang disediakan oleh pemegang lesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (pembekal perkhidmatan pengiriman wang) yang berada di Malaysia untuk ejen koresponden di luar Malaysia kepada ejen koresponden lain di luar Malaysia adalah suatu pembekalan berkadar sifar.

## **LAYANAN CBP KE ATAS PERNIAGAAN MATA WANG BORONG**

10. Pemborong mata wang menjalankan perniagaan mengimport dan mengeksport mata wang asing selain daripada membeli dan menjual mata wang asing secara domestik.

11. Implikasi CBP adalah seperti berikut:

- (a) Membeli dan menjual mata wang dengan pemegang lesen PPW, bank berlesen dan bank Islam berlesen atau mana-mana orang di Malaysia adalah suatu pembekalan dikecualikan.
- (b) Mengimport atau mengeksport wang kertas daripada / kepada orang di luar Malaysia adalah pembekalan yang tidak termasuk dalam skop CBP.

- (c) Perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen PPW untuk pelanggannya di mana fi yang dikenakan ialah pembekalan bercukai yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

## **PERKHIDMATAN YANG DIPEROLEH OLEH PEMEGANG LESEN PPW**

12. Perkhidmatan profesional yang diperoleh oleh pemegang lesen PPW contohnya perkhidmatan juruaudit, perkhidmatan perundangan, perkhidmatan perakaunan dan perkhidmatan setiausaha syarikat adalah suatu pembekalan standard. Oleh itu pemegang lesen PPW menanggung cukai input atas apa-apa pembekalan.

## **FI KAWALSELIA DI BAWAH AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011**

13. Pembayaran fi yang dikehendaki di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 ke atas pemegang lesen PPW seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pelesenan) 2012 adalah pembekalan di luar skop oleh pengawal selia dan tidak tertakluk kepada CBP.

## **EJEN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG**

14. Komisen ejen PPW adalah balasan bagi pembekalan bercukai yang dibuat oleh ejen itu dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Oleh itu, jika ejen itu ialah seorang orang yang berdaftar, dia dikehendaki untuk mengeluarkan suatu inouis cukai bagi pembekalannya.

## **KREDIT CUKAI INPUT**

15. Memandangkan pemegang lesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan, dia berhak untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas input yang berkaitan secara langsung dengan pembekalan bercukai. Bagi input yang tidak boleh dikaitkan dengan suatu pembekalan bercukai iaitu 'baki cukai input' seperti utiliti, premium insurans, pejabat bergerak, dan lain-lain, ia boleh menuntut cukai input berdasarkan kaedah pengagihan. Sila rujuk kepada Panduan Umum Cukai Input.

## **SOALAN LAZIM**

### **Invois**

**Q1: Di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Kewajipan Pemegang Lesen) 2012 mengkehendaki pemegang lesen PPW mengeluarkan resit kepada pelanggannya yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan apabila menjalankan perniagaan perkhidmatan wang. Adakah saya sebagai pemegang lesen PPW yang berdaftar CBP boleh menggunakan resit tersebut sebagai invois cukai bagi perkhidmatan yang dikenakan cukai kepada pelanggan saya?**

A1: Anda dinasihati untuk memeriksa sama ada resit sedia ada dapat menampung butir-butir yang diperlukan dalam invois cukai seperti yang dinyatakan di dalam Panduan Invois Cukai dan Penyimpanan Rekod. Jika ia dapat mematuhi kehendak-kehendak itu, anda bolehlah menggunakan resit tersebut sebagai invois cukai. Jika sebaliknya, permohonan kepada Ketua Pengarah boleh dibuat untuk mempertimbangkan kemudahan ini.

### **Kredit Cukai Input**

**Q2: Dalam menjalankan perniagaan perkhidmatan wang, saya menanggung CBP ke atas perbelanjaan seperti bayaran sewa, telefon, elektrik,**



**perabot dan kelengkapan, khidmat perakaunan, insurans dan perkhidmatan keselamatan. Bolehkah saya menuntut cukai input ke atas CBP yang dibayar bagi perbelanjaan tersebut?**

A2: Ya. Anda layak untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas perbelanjaan itu seperti membuat pembekalan bercukai.

**Q3: Sebagai pemegang lesen PPW, saya membayar CBP ke atas perbelanjaan yang dibuat. Adakalanya saya mengalami kerugian untuk membeli dan menjual mata wang asing disebabkan naik turun kadar tukaran asing. Adakah terdapat skim di bawah CBP yang membolehkan saya untuk mendapatkan semula kerugian tersebut?**

A3: Tidak ada skim di bawah CBP yang membolehkan anda untuk mendapatkan semula kerugian tersebut.

### **Caj-caj perkhidmatan**

**Q3: Dalam menjalankan perniagaan perkhidmatan wang, kami mengenakan caj perkhidmatan ke atas penjualan mata wang untuk menampung kos pengangkutan dan keselamatan yang ditanggung semasa penghantaran kepada pelanggan kami. Adakah caj tersebut tertakluk kepada CBP?**

A3: Ya. Caj perkhidmatan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

### **MAKLUMBALAS DAN KOMEN**

16. Sebarang maklumbalas atau komen sangatlah dihargai. Sila emelkan maklumbalas Mohd Hisham B. Mohd Nor ([m\\_hisham.nor@customs.gov.my](mailto:m_hisham.nor@customs.gov.my)) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi ([izmeer.msohaimi@customs.gov.my](mailto:izmeer.msohaimi@customs.gov.my)).

### **MAKLUMAT LANJUT**

17. Maklumat lanjut boleh diperolehi dari:

- (a) Laman Web CBP: [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) Hotline GST: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
  - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
  - Faks : 03-78067599
  - Emel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)